

Keluaran Khas

PEMIKIRAN BARU
**Utusan
Malaysia**

18 penyelesaian digital mampu perkasakan perkhidmatan awam



KHAIRY JAMALUDDIN

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR 6 Februari 2021, 10:56 pm

PUTRAJAYA: Sebanyak 18 pasukan yang berjaya terpilih melalui program mencari penyelesaian permasalahan perkhidmatan secara digital, MYHackathon, akan membangunkan kaedah penyelesaian masing-masing dalam tempoh 12 bulan akan datang dalam sesi pelaksanaan projek.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin berkata, 18 pasukan yang menang itu terpilih daripada sebanyak 36 penyelesaian digital yang digilap untuk memimpin proses pendigitalan perkhidmatan awam.

Katanya, program yang dilancarkan pada Oktober lalu, bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan di dalam perkhidmatan kerajaan dan mencari jalan penyelesaiannya dari perspektif orang ramai.

"Semua pasukan itu membabitkan pelbagai kategori idea iaitu enam (e-Perkhidmatan), tiga (virtual realiti), tiga (Pertanian : Pertanian Moden dan Data Pertanian), dua (e-Pendidikan), dua (Perkhidmatan Kesihatan) dan dua (Perkhidmatan Kerja Awam).

"Melalui idea yang terpilih itu, ia boleh dikembangkan ke seluruh negara melalui kementerian dan agensi berkaitan," katanya dalam satu kenyataan yang disiarkan dalam portal beliau, hari ni.

Khairy sebelum ini memaklumkan kerajaan bercadang menjadikan MYHackathon sebagai acara berulang kerana program ini dapat membantu mencari idea untuk penyelesaian perkhidmatan awam utopia kepada rakyat.

program itu dapat membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam utama kepada rakyat,

"Melalui MYHackathon 2020 kerajaan dapat menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan usahawan dalam bidang teknologi negara, terutamanya dalam kalangan belia, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar dan buruh asing," katanya.

Ia juga selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 dan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE) yang bertujuan memperhebatkan usaha pembangunan dan penggunaan teknologi tempatan dalam usaha mentransformasikan negara daripada pengguna teknologi kepada pembangunan teknologi. -UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by



Nelayan jumpa muntah ikan paus RM1.16 juta



Industri vape bernilai RM2.27 bilion



Tidak akan buat total lockdown – PM



Pelanggan Baru Dapatkan potongan 10% untuk Semua Kek



Kirim 'salam' membawa ke penjara



Superb berjaya lahir usahawan global



POPULAR



Cinta terhalang, adik bakar rumah abang

8 Februari 2021, 9:30 am



Belia perlu seiring kepesatan teknologi untuk kekal relevan

8 Februari 2021, 9:30 am



Penyeludup makin 'tunjuk belang'

8 Februari 2021, 9:29 am



Pengusaha hotel rayu cukai tanah, pintu dikurangkan

8 Februari 2021, 9:27 am



BERITA BERKAITAN



Penyeludup makin 'tunjuk belang'

8 Februari 2021, 9:29 am



Pengusaha hotel rayu cukai tanah, pintu dikurangkan

8 Februari 2021, 9:27 am





Sudah setahun tiada tarian singa

8 Februari 2021, 9:07 am



‘Super sub’ Messi penyelamat Barcelona

8 Februari 2021, 8:33 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami